

01 JUN 1997

Ting-Kempen

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DIARAH ADAKAN KEMPEN KEBERSIHAN

IPOH, 1 Jun (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengarahkan semua 114 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara mengadakan kempen secara besar-besaran sempena Hari Pembersihan Seluruh Negara pada 31 Ogos ini.

Menterinya Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, pihak berkuasa itu perlu menjalankan kempen mulai hari ini bagi memastikan semua premis perniagaan dan kediaman mencapai tahap kebersihan yang memuaskan.

Kempen Hari Pembersihan Seluruh Negara yang juga diadakan sempena Hari Kemerdekaan Ke-40 itu bertujuan memupuk kesedaran masyarakat mengenai kebersihan, semangat bergotong-royong dan menanamkan sikap sayangkan kemudahan awam, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan surat hak milik tanah kepada 200 penduduk Taman Desa Pakatan di sini, hari ini.

Sehubungan itu semua jabatan kerajaan, swasta, pertubuhan sukarela dan orang ramai diminta turut sama mengembeling tenaga menjayakan kempen kebersihan itu, katanya.

Pelancaran kempen berkenaan akan diadakan pada 7 dan 8 Ogos bagi negeri yang cuti hujung minggunya pada hari Jumaat manakala 9 dan 10 Ogos bagi negeri yang bercuti pada hari Ahad, katanya.

Beliau berkata, semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilantik sebagai agensi yang akan melaksana dan menyelaras program gotong-royong itu.

Antara kegiatan yang akan dijalankan termasuk membersihkan kawasan-kawasan pejabat, bandar, industri, perumahan dan kampung, longkang, memotong rumput dan menanam pokok bunga serta menyenggara lanskap kawasan bandar dan perumahan, katanya.

Ting juga berharap pihak berkuasa itu akan melaksanakan kempen seumpama itu secara berterusan dengan membabitkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dan semua agensi bagi menjadikannya cara hidup rakyat negara ini selaras dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan aspek kebersihan diutamakan.

Beliau juga akan meminta pihak berkuasa tempatan turut menyediakan peruntukkan tahunan bagi membolehkan kempen berkenaan diadakan dari masa ke masa.

Kempen itu perlu dipergiatkan memandangkan tahap kebersihan di kebanyakan premis belum memuaskan termasuk tandas awam, tandas di restoran dan stesen minyak, katanya. -- BERNAMA

RZS PR